

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)52

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI BAKAP
YB ABIDIN BIN ISMAIL**

52. Mengapakah krisis air di Mukim 5 tidak diselesaikan melalui kerjasama Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dengan Syarikat Air Darul Aman (SADA) iaitu mendapatkan sumber air terawat daripada Loji Rawatan Air (LRA) Lubuk Buntar yang telah sedia ada kemudahan paip?
- (a) Mengapakah sumber air terawat dari LRA Lubuk Buntar ke Pulau Pinang dihentikan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

52. Krisis air di Mukim 5 tidak diselesaikan dengan mendapatkan sumber air terawat daripada Loji Rawatan Air (LRA) Lubuk Buntar kerana negeri Kedah sendiri menghadapi isu ketidakcukupan sumber air, khususnya semasa musim kemarau.

Pun begitu, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah mengambil inisiatif jangka masa pendek melalui pelan tindakan SPS 2023 dan pelan jangka masa sederhana menerusi projek Pelan Kontingensi Air 2023 (WCP 2030) bagi memenuhi permintaan air yang tinggi oleh penduduk negeri Pulau Pinang termasuk pengguna

di Mukim 5, Sungai Bakap. Berikut adalah projek-projek yang merupakan sebahagian daripada pelan mitigasi untuk memastikan bekalan air mencukupi sepanjang masa untuk para pengguna di Mukim 5, Sungai Bakap:

Bil.	Projek	Jangka Siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
1.	New Bukit Panchor DAF (<i>dissolved air flotation</i>) WTP	Siap	10	18.6
2.	Pakej 12A Unit Proses, LRA Sg Dua (<i>additional water treatment module</i>)	Siap	114	31
3.	'LRA Kompak' 2.4 JLH di Sungai Kerian	Dalam pembinaan		4.3
4.	LRA Kompak' 4.0 JLH di Sungai Kerian	Dalam pembinaan		3.8
Bil.	Projek	Jangka Siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)

5.	Tangki sedutan Rumah Pam Taman Widuri	Telah siap pada 30 Mac 2024		0.83
6.	Tangki sedutan Rumah Pam Taman Wellesley	Telah siap pada 30 Mac 2024		0.55
7.	Dua 'LRA mudah alih' di Taman Sungai Duri (Perda) dengan jumlah kapasiti 0.24 MLD	Tamat perkhidmatan setelah mendapat bekalan tambahan dari LRA Bukit Panchor		0.43
Bil.	Projek	Jangka Siap	Kapasiti (MLD)	Kos Projek (RM juta)
8.	Pemasangan paip saluran 1800mm sepanjang 13km	2024		128

	dari LRA Sg Dua ke Butterworth, Seberang Perai			
9.	Pemasangan paip saluran 1800mm sepanjang 3.9km dari Macallum ke Bukit Dumbar Reservoir dan Kompleks Pam di bahagian Pulau	2024		44
10.	LRA Mengkuang Park	2025	114	120
11.	LRA Sungai Kerian	2027	114	171
12.	Skim Pembekalan Air Sungai Perai (termasuk pra-rawatan air mentah)	2028	136	500
13.	LRA Sungai Muda	2028	114	171

(a) Sumber air terawat dari LRA Lubuk Buntar ke Pulau Pinang telah dihentikan pada tahun 2020 kerana pihak Syarikat Air Darul Aman (SADA) memaklumkan tidak mempunyai sumber air terawat yang mencukupi untuk disalurkan ke negeri Pulau Pinang.

